

28 OCT 1996

EKSPLO "VIRTUAL REALITY" DAN "MEGA BUGS" AKAN BERADA DI PULAU PINANG

PULAU PINANG, 28 Okt (Bernama) -- Ekspo "virtual reality" atau permainan video tiga dimensi dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan Jepun akan dibawa khas ke negeri ini sempena Pesta Pulau Pinang pada 1 Dis ini.

Pengerusi Jawatankuasa Sains, Pembangunan Sumber Manusia dan Transformasi Industri Negeri, Dr Kang Chin Seng memberitahu pemberita di sini hari ini, permainan itu dibawa oleh sebuah agensi perhubungan awam, APEC Sdn Bhd.

Katanya, menerusi permainan video itu orang ramai berpeluang menimba pengalaman mengenai kehebatan teknologi moden dalam membawa imaginasi manusia kepada realiti.

Selain itu, APEC juga akan membawa pertunjukkan "Mega Bugs" iaitu pertunjukan robot raksasa yang menyerupai binatang dan serangga seperti yang ditonjolkan dalam filem "Jurassic Park".

Ekspo virtual reality itu bagaimanapun terlebih dahulu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur pada 29 Nov ini sebelum dibawa ke Pulau Pinang, kata beliau.

Sehubungan itu, APEC mempelawa syarikat korporat yang berminat untuk menaja ekspo berharga RM6 juta itu supaya menghubungi syarikatnya menerusi talian 03-2025769. -- BERNAMA

AA AKD